



PEKELILING PERKHIDMATAN UMT BILANGAN 2 TAHUN 2017

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2017

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Bantuan Khas Kewangan (BKK) kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan pesara Kerajaan yang dikeluarkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2017 yang mana pelaksanaannya diterima pakai di Universiti Malaysia Terengganu dengan beberapa pindaan yang berkaitan.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah memutuskan supaya BKK sebanyak RM500.00 dibayar kepada pegawai perkhidmatan Awam Persekutuan di atas keperihatinan Kerajaan serta menghargai khidmat bakti penjawat awam.
3. Kerajaan juga bersetuju memanjangkan pemberian BKK sebanyak RM250.00 kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen.

PELAKSANAAN

4. BKK diberi kepada semua pegawai yang sedang berkhidmat pada 2 Jun 2017 meliputi:

- 4.1 pegawai lantikan tetap, sementara dan *contract of service*¹;

¹ Bagi pegawai di bawah *contract for service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan

- 4.2 pegawai yang bercuti separuh gaji;
- 4.3 pegawai yang bercuti tanpa gaji;
- 4.4 pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya; dan
- 4.5 pemandu yang dilantik oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya.

PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

- 5. BKK sebanyak RM500.00 dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang sedang berkhidmat pada 2 Jun 2017.

PESARA

- 6. BKK kepada pesara yang menerima pensen dan penerima pensen terbitan di bawah undang-undang pensen akan dibayar sebanyak RM250.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.
- 7. Pesara yang dilantik semula secara *contract of service* dan sedang berkhidmat pada 2 Jun 2017 layak dibayar BKK sebanyak RM500.00 sahaja. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh UMT pada 2 Jun 2017.

PEGAWAI MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN

- 8. Pegawai yang meninggal dunia sebelum atau pada 1 Jun 2017 layak dibayar BKK kepada penerima pensen terbitan sebanyak RM250.00.

TARIKH PEMBAYARAN

- 9. BKK sebanyak RM500.00 kepada pegawai dan RM250.00 kepada pesara akan dibayar pada 15 Jun 2017.

TARIKH KUAT KUASA

- 10. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.